


B/H 18/4/12 MS15.

MARI MERENTAS MASA DEPAN
SELAMAT MENGIKUTI US DAN UN 2012
SEMOGA SUKSES



Kini lebih yakin



BEGINI...pelajar diajar menutup kepala jika berlaku gempa.

30 sekolah di Aceh dilengkapi persediaan jika berlaku malapetaka anjuran TDMRC

JEUMPA Puteh contohnya antara 30 sekolah di Aceh yang dilengkapi dengan persediaan jika berlaku bencana di bawah program pengurusan bencana anjuran Pusat Penyelidikan Tebatan Bencana Tsunami (TDMRC).

Kakitangan dan pelajar sekolah diajar kaedah bantuan kecemasan dan kerap menjalani latihan kecemasan untuk menguji kesediaan mereka sekiranya benar-benar berlaku bencana seperti gempa bumi.

Di sekolah rendah Blang Oi yang hanya enam guru dan pelajarnya terselamat daripada 'tsunami besar' pada 2004, ada kaedah mudah untuk menyelamatkan diri jika berlaku malapetaka.

Pelajar berumur 12 tahun itu menyanyi beramai-ramai:

"Jika berlaku gempa, tutup kepala dengan beg; jika gempa berlaku duduk di bawah meja; jika berlaku gempa hindari tingkap; jika berlaku gempa cepat-cepat lari ke kawasan lapang."

Apabila bunyi loceng amaran kecemasan berhenti, kanak-kanak itu segera menutup kepala mereka dengan buku atau beg sekolah dan berjalan cepat keluar dari bilik darjah di dalam satu barisan.

Selepas gempa bumi pada Rabu lalu, yang menyebabkan kehilangan lima nyawa akibat serangan jantung dan terkejut, penduduk Aceh berkata, mereka kini berasa lebih yakin berhadapan dengan bencana berbanding lapan tahun lalu.

Penyelaras TDMRC, Faisal Ilyas berkata, gempa bumi

minggu lalu menguji keberkesanan program persediaan menghadapi bencana itu terutama pelajar sekolah.

"Pelajar ini menunjukkan prestasi yang baik dan ternyata ia berkesan. Beribu-ribu guru dan pelajar mengosongkan bangunan sekolah mengikut peraturan yang diajar," katanya.

Pun begitu, ramai penduduk Aceh yang masih bimbang keselamatan mereka.

"Saya takut kalau bumi terbelah dan menelan saya. Saya juga takut kawan-kawan meninggal dunia dan meninggalkan saya sendirian," kata Koni Armandani, pelajar berusia 15 tahun.

"Kami lakukan apa yang terdaya, tetapi tiada siapa yang boleh melawan takdir Tuhan"

- AFP

B/A 18/4/12 MS 16.



Nyanyian gempa

SD NEGERI 101
MEURAKA
KAB. BANDA ACEH

TENANG...pelajar meninggalkan bilik darjah secara teratur ketika kejadian gempa bumi, baru-baru ini.



APABILA tanah Aceh bergegar, baru-baru ini, pelajar dan kakitangan di sekolah tinggi Jeumpa Puteh tenang meneruskan pelajaran. Pada anggapan mereka ia hanyalah satu lagi gegaran biasa di wilayah Indonesia yang sangat terdedah kepada gempa bumi itu.

"Tetapi gegaran itu menjadi semakin kuat dan berterusan selama kira-kira lima minit. Kami lihat pokok berbuai-buai, kereta tertolak ke depan dan ke belakang dan tingkap pula berbunyi kuat. Ketika itu kami tahu ia bukan gegaran biasa, tetapi gegaran besar dan kami perlu cepat keluar dari bilik darjah," kata Zikra Latasha, 15, mengimbas kembali kejadian gempa bumi di dasar laut pada magnitud 8.6 yang menggegarkan Sumatera.

Hasil latihan kecemasan selama berbulan-bulan, semua pelajar sekolah itu tahu mereka perlu bertenang dan tidak boleh panik apabila berlaku gempa bumi, sebaliknya menumpukan perhatian untuk segera berkumpul di kawasan lapang atau tanah tinggi.

Di kawasan perhimpunan, suara guru besar jelas

kedengaran daripada corong pembesar suara mengarahkan pelajarinya mematuhi garis anak panah berwarna merah dan biru yang dilukis di dinding; memandu mereka ke padang yang terletak kira-kira 0.8 kilometer dari situ.

Sambil mengucapkan 'Subhanallah' (Maha Suci Allah), mereka mencapai beg sekolah dan berduyun-duyun keluar dari kelas masing-masing selepas menyedari punca gegaran kali ini sedikit luar biasa - gempa kedua besar di Lautan Hindi sejak tsunami pada 2004 yang mengorbankan 170,000 nyawa penduduk Aceh.

Gempa bumi pada 11 April lalu boleh dirasai jauh hingga ke Thailand manakala India, Indonesia, Kenya, Malaysia, Pulau Reunion, Sri Lanka dan Myanmar pula mengeluarkan amaran berjaga-jaga atau arahan mengosongkan bangunan jika perlu.

Ini kerana gempa itu disusuli kejutan lanjut (gempa bumi yang mengiringi gempa bumi yang lebih besar), mencetuskan satu lagi amaran berjaga-jaga tsunami. Bagaimanapun, gegaran kedua itu kemudian surut perlahan-lahan dengan kesan kerosakan

yang minimum.

"Tiada yang bertolak-tolak. Kami lakukan seperti yang diajar dalam program latihan kecemasan," kata guru Matematik, yang hanya mahu dikenali dengan nama Rumiana, 52.

"Bagaimanapun, sudah diberikan latihan kecemasan, tetapi pelajar kami masih berasa takut dan tertekan. Mereka menangis, memanggil nama ibu bapa serta memegang baju saya. Beberapa orang mengalami sesak nafas dan seorang pelajar pula pengsan," sambungnya lagi.

Rakan sejawatannya, guru kimia, Zahratus Safara, 50, berkata, mereka saling berpegang tangan dan memeluk satu sama lain untuk menenangkan diri sendiri.

Dalam tempoh tujuh tahun sejak gelombang tsunami pada 2004 yang hampir meranapkan wilayah itu, Indonesia membuat pelaburan yang tinggi membeli peralatan pengesanan awal tsunami, membina bangunan yang mempunyai daya ketahanan terhadap gempa bumi dan pelbagai pendekatan tebatan atau pengurangan bencana.